



STATISTIK HARI INI

oleh DOSM pada 12:00 tengah hari

STATS ALERT: #215 | 19 SEPTEMBER 2024



PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA


Bilangan Pertubuhan

2022: 1,069,831 pertubuhan
2015: 907,065 pertubuhan
CAGR: 2.4%




Nilai Output Kasar

2022: RM1.3 trilion
2015: RM1.0 trilion
CAGR: 3.3%



Nilai Input Perantaraan

2022: RM688.9 bilion
2015: RM587.2 bilion
CAGR: 2.3%



Nilai Ditambah

2022: RM578.8 bilion
2015: RM422.7 bilion
CAGR: 4.6%



Bilangan Pekerja

2022: 6.5 juta orang
2015: 5.8 juta orang
CAGR: 1.8%



Gaji & Upah

2022: RM182.3 bilion
2015: RM128.5 bilion
CAGR: 5.1%



Nilai Harta Tetap

2022: RM668.2 bilion
2015: RM584.0 bilion
CAGR: 1.9%



NILAI DITAMBAH TERTINGGI

Mengikut Sektor

Perkhidmatan

2022: RM433.3 bilion
2015: RM295.2 bilion
CAGR: 5.6%




Pembuatan

2022: RM87.1 bilion
2015: RM82.1 bilion
CAGR: 0.8%



Pembinaan

2022: RM31.9 bilion
2015: RM24.3 bilion
CAGR: 4.0%



Mengikut Negeri

Selangor



2022: RM208.0 bilion
2015: RM119.8 bilion
CAGR: 8.2%

W.P. Kuala Lumpur



2022: RM113.2 bilion
2015: RM96.4 bilion
CAGR: 2.3%

Johor



2022: RM58.7 bilion
2015: RM44.6 bilion
CAGR: 4.0%

CAGR 2022/2015

Sumber: Banci Ekonomi 2023, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



PMKS jana nilai output kasar RM1.3 trilion, merekodkan 1,069,831 pertubuhan pada 2022

- Bilangan pertubuhan PMKS berkembang daripada 907,065 kepada 1,069,831, dengan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun (CAGR) sebanyak 2.4 peratus. Sektor Perkhidmatan mendahului dengan 936,793 pertubuhan (87.6%), diikuti oleh Pembinaan 69,015 (6.5%) dan Pembuatan 51,481 (4.8%).
- Nilai output kasar meningkat daripada RM1.0 trilion pada tahun 2015 kepada RM1.3 trilion pada 2022, dengan CAGR sebanyak 3.3 peratus. Pertumbuhan ini disokong oleh prestasi lebih kukuh dalam nilai ditambah yang meningkat daripada RM422.7 bilion kepada RM578.8 bilion, dengan CAGR sebanyak 4.6 peratus.
- Dalam konteks pasaran buruh, gaji dan upah mengalami aliran peningkatan yang ketara, naik daripada RM128.5 bilion pada 2015 kepada RM182.3 bilion pada 2022, dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.1 peratus. Meskipun begitu, peratus penyertaan pekerja meningkat pada kadar yang agak perlahan, iaitu hanya 1.8 peratus, beralih daripada 5.8 juta pada 2015 kepada 6.5 juta orang pada 2022.
- Sementara itu, nilai aset tetap merentas ekonomi menunjukkan pertumbuhan yang sederhana, meningkat daripada RM584.0 bilion pada 2015 kepada RM668.2 bilion pada 2022, dengan CAGR sebanyak 1.9 peratus.
- Di peringkat negeri, Selangor merekodkan pertumbuhan nilai ditambah yang mengagumkan, berkembang pada CAGR sebanyak 8.2 peratus, daripada RM119.7 bilion pada 2015 kepada RM208.0 bilion pada 2022, memperkukuhkan peranannya sebagai penyumbang utama kepada PMKS di Malaysia. W.P. Kuala Lumpur menyaksikan pertumbuhan tahunan yang stabil sebanyak 2.3 peratus (RM113.2 bilion), manakala Johor mencatat corak pertumbuhan yang memberangsangkan pada 4.0 peratus (RM58.7 bilion), menunjukkan sumbangan ketara ketiga-tiga negeri ini secara berterusan kepada prestasi ekonomi serantau.

